

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 5 TAHUN 1983**

---

Pekeling Bil 2. Tahun 1983 bersabit dengan Permohonan Ukur bagi tanah-tanah yang telah diisyihar sebagai hak lalu-lalang dan jalan kecil bila diserah balik mengikut Seksyen 200 KTN adalah ditambah bagaimana berikut:-

2. Tambahkan ayat berikut selepas perenggan 4(a)(v) dan 4(b)(vi). Beri angka (vi) selepas 4(a)(v) dan angka (vii) selepas 4(b)(vi).

“ Bila Pejabat Ukur menerima Permohonan Ukur (R/S) satu salinan pelan yang dikembar dengan P.U. itu hendaklah dihantarkan kepada :-

- (a) Jabatan Pengarah Perancang Bandar dan Desa  
Dan
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan sama ada Lembaga Perbandaran Kota Bharu atau Majlis Daerah

untuk membolehkan Jabatan berkenaan menanda di atas pelan pejabat masing-masing tentang ujudnya Hak Lalu-lalang dan jalan kecil yang telah diisyiharkan oleh Pejabat Tanah mengikut Seksyen 390 atau Seksyen 200 KTN.

**t.t**

**( Md. Hussin Bin Hassan )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
**KELANTAN.**

**KOTA BHARU : 24hb. Mac 1983.**

**KEPADA :**

Semua Pemungut Hasil Tanah dan  
PPHT. Jajahan Kecil Jeli.,  
**KELANTAN**

**SALINAN KEPADA :**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.  
(UP : Bahagian Perkhidmatan 3 salinan).

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.

YBrs. Setiausaha Sulit, Dato' Menteri Besar, Kelantan.

Pengarah Jabatan Ukur, Kelantan.

[ PTG. (KN.) Bil. 15960 DUP/(8) ]